



COVID-19: Garis Panduan Serta Langkah-Langkah Pencegahan Oleh Penyedia Perkhidmatan Pos yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Pos 2012

Susulan daripada perintah kawalan pergerakan yang akan dikuatkuasakan bermula 18 Mac sehingga 31 Mac 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967, yang mengarahkan penutupan semua premis kerajaan dan swasta, kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting (*essential services*) negara. Salah satu daripada perkhidmatan penting negara yang disenaraikan termasuk perkhidmatan pos.

Sehubungan itu, perkhidmatan pos (yang merangkumi perkhidmatan kurier) hendaklah diteruskan dengan mengambil kira garis panduan serta langkah-langkah pencegahan yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan perkara-perkara berikut:

1. Tahap Sanitasi, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

- 1.1 Mengamalkan amalan sanitasi kebersihan yang optimum pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan 'hand sanitizer'.
- 1.2 Memakai penutup mulut dan hidung (mask) ketika menjalankan tugas.
- 1.3 Mempraktikkan penjarakkan sosial (social distancing) sekurang-kurangnya satu (1) meter dari orang-orang lain di dalam persekitaran.

2. Langkah pencegahan COVID-19 di premis perniagaan

- 2.1 Menyediakan bahan pencuci tangan (hand sanitizer) bagi kegunaan pelanggan dan memastikan pekerja kaunter sentiasa memakai penutup mulut dan hidung (mask).
- 2.2 Memaparkan garis panduan mengenai COVID-19 yang dikeluarkan oleh pihak KKM sebagai panduan kepada para pelanggan berhubung langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil.

3. Kaedah Penghantaran Selamat

- 3.1 Memastikan agar prosedur penghantaran setiap barang pos semasa wabak COVID-19 dilakukan dengan kaedah selamat dengan menghadkan kontak (contactless delivery) bagi mengelakkan risiko jangkitan. Kaedah mengambil tandatangan pelanggan sebagai bukti penerimaan barang pos misalnya boleh digantikan dengan kaedah alternatif tanpa menjejaskan kualiti dan integriti perkhidmatan pos yang disediakan kepada pelanggan.

3.2 Menyediakan kaedah-kaedah penghantaran alternatif yang sewajarnya bagi menghadkan kontak di antara pekerja serahan dan pelanggan.

3.3 Sebarang perubahan proses penghantaran barang pos hendaklah dimaklumkan kepada pelanggan secara berkesan.

Semua langkah-langkah pencegahan di atas adalah bertujuan untuk melindungi setiap pekerja, memelihara kebajikan serta keselamatan setiap pekerja dan pelanggan dalam usaha membantu kerajaan menangani gejala pandemik COVID-19. Di samping itu, semua pemberi perkhidmatan pos adalah dinasihatkan supaya sentiasa menyemak perkembangan terbaru dan sebarang nasihat yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

17 Mac 2020